

# NEOARTEX Beri Penghargaan Hasil Karya Pelajar

“Bagi Program Seni Kreatif, Kluster Teater yang memikul nama Orang Pentas Berkarya (OPERA) ini juga bakal persembahkan hasil kerja mereka melalui pementasan teater yang dipentaskan di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah dengan pelbagai genre,” jelasnya lagi.

Bagi Program Teknologi Seni Visual pula akan memamerkan MATRIX yang merupakan pameran karya visual, seni lukis, seni tampak, seni halus, pengiklanan, animasi, dokumentari dan filem akan ditayangkan.

“Sementara itu, Resital Muzik pula dikelolakan oleh Program Seni Muzik yang akan membuat persembahan orkestra, nyanyian, instrumen muzik mengikut major; *drum*, piano, gitar, seksofon dan *flute*, dan saya mengharapkan karya seni pelajar UMS mendapat pengiktirafan antarabangsa,” kata Muhammad Shafee.

“Mengharapkan semua Pelajar UMS datang semasa karnival ini berlangsung menunjukkan tanda sokongan kepada karya pelajar tahun akhir itu sendiri serta ia dapat memupuk minat pelajar yang lain tentang kesenian dalam diri mereka,” katanya Muhammad Safiee lagi.

Di samping itu, karvinal NEOARTEX 2015 turut menganjurkan pelbagai aktiviti menarik seperti *Modern Dance*, Muay Thai, karaoke terbuka, deklamasi sajak dan pertandingan pidato.

**Oleh Syarifah Nur Atikah Syed Jamal**

Kota Kinabalu, 15 MEI - Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Borneo International Visual And Performing Arts Exhibition (NEOARTEX) 2015 akan memamerkan semua karya pelajar seni untuk dipersembahkan kepada umum.

“NEOARTEX mempunyai objektif tersendiri iaitu menjadikan hasil karya seni amatir Pelajar UMS sebagai satu keluaran karya yang bertaraf antarabangsa ekoran karnival ini turut melibatkan penyertaan dari negara luar seperti Indonesia, Thailand dan Brunei Darusalam,” kata Pengarah ekspo, Muhammad Safiee Elias.

Karvinal ini bermula pada 16 Mei sehingga 6 Jun 2015 diadakan di Blok Seni, Fakulti Kemanusiaan Seni Dan Warisan.

Selain itu, ia juga melibatkan penyertaan dari pelajar tahun akhir Blok Seni dari jurusan seni kreatif (Kluster Tari, Teater dan Penulisan) Teknologi Seni Visual Dan Seni Muzik.

“Dengan ada karvinal seperti ini ia dapat mengembangkan lagi kesenian yang dilakukan oleh pelajar itu sendiri serta ia dapat menaikkan kualiti karya itu di peringkat antarabangsa kelak nanti,” katanya semasa majlis perasmian Karnival NEOARTEX.

Jelas Safiee, kluster tari yang membawa nama Kontemporari dan Tradisional bakal mempersembahkan tarian yang menjadi projek akhir mereka meliputi olahan Koreografi, Tarian Tradisi Sabah-Borneo, Rumpun Etnik Asia, Rampaian Melayu, Drama Tari dan Garapan Tarian Kontemporari.

“Adikarya yang merupakan Kluster Penulisan akan memamerkan hasil kerja akhir mereka kepada orang umum dengan menghimpunkan karya-karya penulisan daripada pelbagai medium seperti novel, majalah, akhbar, penulisan ilmiah, cerpen, dokumentari, antologi puisi dan kompilasi cerita rakyat.